

# Isu peralihan kuasa tak perlu diperbesar

BH  
- 22/11/2019  
m/s: 4

Anwar faham masalah dialami negara: Dr Mahathir

Oleh Wan Faizal Ismayatim, Mohd Nasaruddin Parzi dan Petah Wazzan Iskandar  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Ketika isu peralihan kuasa kembali hangat diperkatakan, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahunya perkara itu tidak perlu banyak tekanan dan diperbesarkan.

“Beliau (Anwar) memberitahu memahami masalah yang dihadapi (negara) dan tidak perlu terlalu banyak ketegangan oleh pelbagai pihak yang membuat pelbagai cadangan seperti tarikh peralihan (kuasa),” katanya kepada media selepas Majlis Prapelancaaran Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai butiran pertemuannya selama 30 minit dengan Anwar Ibrahim di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, petang semalam.

Isu peralihan kuasa kembali dibangkitkan susulan keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen

Tanjung Piai, Sabtu lalu yang menyaksikan Pakatan Harapan (PH) kehilangan kerusi selepas kekalahan calonnya daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Terdahulu, Anwar dalam laman Facebook beliau menyatakan dalam isu peralihan kuasa, pendirian Dr Mahathir dan beliau tidak pernah berubah seperti dipersetujui PH.

Beliau berkata janji berkenaan juga berulang kali disebut oleh Perdana Menteri pada pertemuan itu.

“Saya memaklumkan isu peralihan kuasa perlu dilakukan secara aman dan teratur dalam tempoh yang munasabah serta mendapat persefahaman bersama,” katanya.

Beliau berkata, mereka juga bersetuju untuk menumpukan perhatian kepada pertumbuhan ekonomi dan penyediaan ke arah penganjuran Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

“Perdana Menteri turut mengambil perhatian mengenai dakwaan terhadap kalangan anggota Je-



Anwar mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

maah Menteri yang menyalahgunakan kuasa atau meraih dokongan politik menerusi pemberian projek.

“Kami juga tidak bersetuju sekiranya ada usaha lain yang menyimpang daripada persetujuan tersebut atau menggunakan nama saya dan Perdana Menteri dalam mana-mana muslihat lain,” katanya.

Turut disentuh Anwar pada pertemuan itu, katanya dakwaan pembabitan anggota Kabinet yang menyalahgunakan kuasa menerusi pemberian projek.

Sebelum itu, pada sidang media selepas merasmikan Persidangan

**Beliau (Anwar) memberitahu memahami masalah dihadapi (negara) dan tidak perlu terlalu banyak ketegangan oleh pelbagai pihak yang buat pelbagai cadangan seperti tarikh peralihan (kuasa).**

**Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri**

Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2019 (ISWC), di Kuala Lumpur; Dr Mahathir berkata, beliau sependapat dengan Anwar bahawa pihak yang mempunyai cita-cita untuk memimpin negara perlu berbuat demikian melalui cara yang sah, bukan melalui ‘kerajaan pintu belakang’.

“Ya saya setuju dengan pandangan berkenaan (tiada kerajaan pintu belakang),” katanya merujuk kepada kenyataan Anwar bahawa pihak yang mahu merebut jawatan Perdana Menteri tidak perlu berpakat dengan kumpulan tertentu atau bermesyuarat secara sulit.